



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI RUJI
BIN HAJI UBI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SAMBUTAN
MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI
KEDAH TAHUN 2025**

19 APRIL 2025 | SABTU

11.00 PAGI

**DATARAN DARULAMAN
JITRA, KEDAH.**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

****salutasi terkini akan disediakan secara berasingan***

PENDAHULUAN

1. Syukur alhamdulillah dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita bertemu pada hari ini dalam program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Kedah Tahun 2025. Terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah yang sudi menjemput saya hadir ke program pada pagi ini.
2. Pada tarikh hari ini, kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri masih diraikan disana sini. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang menyambutnya. Jadikanlah perayaan-perayaan kaum ini sebagai tempat mula berseminya kasih sayang, kenal mengenal diantara satu sama lain bagi melahirkan kehidupan yang penuh dengan warna-warna keceriaan, suasana harmoni, dan sifat hormat-menghormati antara satu sama lain. Moga perpaduan bertangkup erat melalui perayaan-perayaan kaum yang kita raikan.

3. Hari ini saya sangat teruja kerana dapat bersama-sama memeriahkan Sambutan Minggu Perpaduan yang mempunyai pelbagai pengisian yang sangat menarik misalnya pameran RUMAH KAMI yang terdiri daripada etnik kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, kaum Siam, kaum Orang Asli serta RUMAH KAMI Sabah dan Sarawak. Terdapat juga reruai-reruai pameran daripada pelbagai agensi yang dapat memberi manfaat kepada pengunjung-pengunjung yang hadir sepanjang tempoh program bermula 17 April 2025 hingga ke hari ini.

KEPELBAGAIAN TERAS PERPADUAN NEGERI KEDAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Negeri Kedah dengan keluasannya 9,447 kilometer persegi masakini mempunyai jumlah komposisi penduduk kira-kira 2.2 juta orang. Secara perbandingan, Kedah menduduki tempat kelima penduduk paling ramai di Malaysia selepas Negeri Selangor (7.3 juta orang penduduk), Johor (4.1 juta orang penduduk), Sabah (3.7 juta orang penduduk), dan Perak (2.5 juta orang penduduk). Daripada 34.1 juta rakyat Malaysia, 2.2 juta berada di Negeri Kedah.

5. Jumlah penduduk ini akan terus bertambah kian hari, bertambah dan bertambah. Mahu tidak mahu, kita akan berkongsi mendiami negara dan negeri ini secara bersama-sama. Maka dengan sebab itulah perpaduan amat mustahak untuk disemai, dibajai dan dijaga sebaik-baiknya supaya kepelbagaian yang wujud itu dapat dicari titik persamaannya. Oleh itu, baharulah kita dapat hidup dalam suasana yang aman, damai, harmoni dan bersatu padu. Ia bertepatan dengan tema Sambutan Minggu Perpaduan tahun ini iaitu Harmoni Dalam Kepelbagaian.
6. Saya mewakili pihak Kementerian Perpaduan Negara ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh jentera-jentera perpaduan di Negeri Kedah yang sentiasa berusaha menjadi pemangkin kedamaian komuniti melalui program-program perpaduan yang dianjurkan dari masa ke semasa tanpa membataskan penyertaan kaum.
7. Tatkala negeri ini dilanda banjir baharu-baharu ini, jentera-jentera perpaduan inilah yang turun di lapangan bermain dengan lumpur dan selut membantu ahli-ahli masyarakat yang terkesan. Bermandikan peluh mereka mencurahkan bakti tanpa bayaran. Segalanya dilakukan dengan ikhlas atas nilai kasih sayang. Sekalung tahniah kepada Jabatan

Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah yang menjadi agensi teras kepada perpaduan di negara ini.

Hadirin sekalian,

KAJIAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNAS) ke-3

8. Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak KPN bagi meningkatkan tahap perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia. Sehubungan itu, KPN sedang melaksanakan kajian Indeks Perpaduan Nasional Ketiga (IPNas Ke-3) yang merupakan **satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunapakai oleh kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia**. Ukuran nilai indeks ini membolehkan Kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program-program intervensi yang berkaitan.

9. Kajian IPNas adalah selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Bidang Keutamaan Rancangan Malaysia Belas (RMKe-12) bagi Memperkukuh Perpaduan Untuk Negara Makmur. IPNas diperincikan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dalam Bab 7 iaitu Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan, Keselamatan dan Kesejahteraan.

10. IPNas pertama telah dilaksanakan pada tahun 2018 di bawah RMKe-11 yang mana urus setianya adalah Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melalui peruntukan daripada Kementerian Ekonomi (sebelumnya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi). Kajian IPNas kedua pula telah dilaksanakan pada tahun 2022 di bawah RMKe-12 di mana Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merupakan pemilik kajian dan diurusetikan oleh IKLIN, JPNIN.
11. Berdasarkan kepada dapatan kajian, skor IPNas pada tahun 2018 ialah sebanyak 0.567, manakala Skor IPNas pada tahun 2022 ialah sebanyak 0.629. Skor ini diukur berdasarkan kepada Skala Hair et al (2021) dan dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0 – 0.24), tahap perpaduan rendah (0.25 – 0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50 – 0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.75 – 1.0).
12. Sukacita saya ingin mengumumkan pada hari ini bahawa pelaksanaan kutipan data di lapangan bagi **Kajian Indeks Perpaduan Nasional Ketiga (IPNas Ke-3)** akan bermula pada **28 April 2025** ini di seluruh Malaysia. Justeru, proses kutipan data ini akan dijalankan secara

bersemuka dengan menggunakan Borang Soal Selidik dari rumah ke rumah berdasarkan kepada peta Blok Penghitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

13. Untuk makluman tuan/ puan juga, Kementerian Perpaduan Negara telah melantik perunding daripada UKM Pakarunding Sdn. Bhd. (Universiti Kebangsaan Malaysia) bagi pelaksanaan kajian IPNas Ke-3. Bagi tempoh berkuatkuasa RMKe-12, kajian IPNas akan dilaksanakan sebanyak **dua (2) kali dengan sasaran skor sebanyak 0.7 menjelang tahun 2025**. Sehubungan itu, saya berharap agar tuan/ puan dapat **memberikan sepenuh kerjasama kepada para penyelidik di lapangan bagi mendapatkan data berkaitan kajian ini.**

PENUTUP

Hadirin yang diraikan sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pagi ini, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh jawatankuasa penganjur, jentera-jentera perpaduan negeri Kedah dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Kedah yang sentiasa memberikan sokongan dan komitmen tanpa berbelah bahagi

dalam memastikan kesejahteraan dan perpaduan rakyat di Negeri Jelapang Padi.

15. Diharapkan usaha murni ini dapat menjadi pemangkin kepada perpaduan yang merupakan tonggak keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Penutup Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Kedah tahun 2025 ini.

Sekian, terima kasih.